

Tingkat ketelusan pemberian AP, kontrak

KUALA LUMPUR 16 Sept. - Langkah kerajaan menghentikan pemberian kontrak, permit import (AP) dan lesen secara sewenang-wenangnya kepada mana-mana kontraktor atau individu wajar disokong semua pihak.

Ini kerana, menurut Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), **Prof. Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff**, langkah tersebut boleh meningkatkan ketelusan dalam pemberian kontrak, AP dan lesen oleh kerajaan.

"Dulu tidak ada ketelusan dari segi pemberian kontrak, lesen dan AP dari kerajaan. Tiada isu (pemberian) dibatalkan atau apa, cuma akan diberikan kepada syarikat yang layak.

"Sebelum ini, kebanyakan lesen, kontrak dan AP ini diberikan secara penganugerahan terus, jadi ketelusan tidak. Kita tidak tahu atas sebab apa syarikat-syarikat ini terpilih," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Kelmarin, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad

menegaskan kerajaan tidak akan menganugerahkan sebarang kontrak, AP atau lesen kepada syarikat atau individu sewenang-wenangnya.



AHMED RAZMAN



ZAINUDDIN

Beliau berkata, sebelum ini kontrak, AP dan lesen diberikan kepada kontraktor bagi mewujudkan peluang, namun pendekatan tersebut disalah guna dan disia-siakan.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (Pekema), **Datuk Zainuddin Abdul Rahman** berkata, perkara tersebut sepatutnya sudah dilakukan sejak awal pemerintahan Pakatan Harapan (PH) lagi.

Walau bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan

perlu bertindak adil dan mengutamakan syarikat yang layak dan menjalankan perniagaan sendiri sahaja, terutamanya dalam kalangan bumiputera.

"Kerajaan mesti berlaku adil dengan pemegang francais kerana mereka mendapat banyak insentif. AP tak kena bayaran, cukai jauh lebih murah, cukai import juga tak ada," katanya.